

## **BANTUAN KECEMASAN (BENCANA ALAM DAN KESIHATAN AWAM)**

### **OBJEKTIF**

Membantu meringankan beban mangsa yang terlibat dalam musibah, bencana alam seperti kebakaran, tanah runtuh, banjir, ribut, kesihatan awam seperti penyebaran wabak penyakit berjangkit, jerebu peringkat kritikal.

### **KEKERAPAN**

Kadar bantuan diberi sekali sahaja atau berulang dalam tahun yang sama. Bagi permohonan berulang perlu ada siasatan lanjut dibuat (tertakluk kepada kes-kes tertentu) serta adanya permohonan.

### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Pemohon hendaklah penduduk Islam Sarawak atau Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak.
2. Telah mendapat pengesahan daripada pihak yang berwajib seperti laporan polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak dan sebagainya.
3. Setiap kes kecemasan/bencana alam yang berlaku dalam tempoh lebih daripada 30 Hari (termasuk cuti sabtu, ahad dan cuti umum) tidak akan dilayan.

### **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)**

1. Dokumen asas.
2. Gambar hasil siasatan (Gambar depan rumah, bersama pemohon dan tanggungan, dapur dan ruang tamu rumah).
3. Laporan Polis/Bomba atau keratan Akhbar/ Media Sosial.
4. Senarai nama mangsa musibah.
5. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.